



PERATURAN PERTANDINGAN KID'S ATHLETICS

Nama Pertandingan: Olympic *Kid Athletic Challenge 2024*.

1. **Anjuran:** Kesatuan Olahraga Malaysia dan OCM MALAYSIA
2. **Objektif:** Adalah untuk memperkenalkan acara-acara dalam sukan olahraga serta mencungkil bakat-bakat baru untuk pembangunan awal dipertengahan dalam sukan olahraga.
- 3.. **Butiran pertandingan**

Tarikh : 28 dan 29 Dec 2024 (Sabtu dan Ahad)

Masa : 8.00 pagi hingga 6.00 petang

Tempat : Stadium Merdeka Kuala Lumpur

4. **Borang Pengesahan Penyertaan**

Semua pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini diwajibkan mengemukakan **Pengesahan Penyertaan sehari sebelum pertandingan** kepada pihak penganjur.

5. **Penyertaan**

Terbuka kepada Kanak-Kanak yang berumur 3 hingga 9 tahun

6. **Kategori Yang Dipertandingkan**

Lelaki dan Perempuan berumur 3 - 9 tahun.

7. **Undang-undang Pertandingan**

Kejohanan ini akan dijalankan mengikut **Peraturan-peraturan KOM / World Athletics**. Sekiranya timbul sebarang kekeliruan maka peraturan tempatan (*local rules* digunakan).

8. Syarat Pertandingan

- 9.1 8 Peserta dalam 1 Kumpulan (Lelaki dan Perempuan).
 - a. **3 - 4 tahun (4 lelaki dan 4 perempuan)**
 - b. **5 - 6 tahun (4 lelaki dan 4 perempuan)**
 - c. **7 - 9 tahun (4 lelaki dan 4 perempuan)**
- 9.2 Pegawai Teknikal berkelayakan *WA Trainer* dan Pegawai Teknikal WA akan melaksanakan pertandingan ini.
- 9.3 Semua pasukan perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak Penganjur.
- 9.4 Sistem pemarkahan menentukan pemenang.
- 9.5 Hadiah akan diberikan kepada pasukan yang mendapat markah tertinggi dalam bentuk hamper (berpasukan), pingat (individu) dan sijil

10. Acara-acara yang dipertandingkan

Acara	Kategori (Tahun)		
	3 - 4	5 - 6	7 - 9
<i>Sprinting/Running Events</i>			
Sprint/Hurdles/Slalom Shuttle Relay	√ (30m)	√ (50 m)	√ (80m)
Formula 1	√	√	√
<i>Jumping Events</i>			
Forward Squat Jumping	√	√	
Cross Hopping			√
<i>Throwing Events</i>			
Javelin Throwing	√	√	
Backward throw			√
Total Event	4	4	4

11. **Yuran Penyertaan** : Penyertaan adalah **RM20.00** bagi setiap **peserta**.

12. Permohonan Penyertaan

- 12.1 Semua penyertaan **WAJIB** dibuat melalui borang penyertaan yang disertakan.
- 12.2 Nama dan butir-butir peserta hendaklah diisi dengan terang dan lengkap mengikut kad pengenalan dalam **HURUF BESAR**.
- 12.3 Borang **Kebenaran ibu bapa / penjaga** yang disertakan **WAJIB** dilengkapkan.
- 12.4 Borang-borang penyertaan yang tidak lengkap tidak akan diterima.

- 12.5 Penyertaan rasmi peserta hendaklah dibuat secara atas talian pada link https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdF4Wu9vpK_C0iZ4gLzB-4AB0KmDN38r93g_rnf055ZbN6mrw/viewform?usp=sharing atau imbas QR code di bawah:



- i. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :
Encik Rogergally Thiaga (012-2413000)
- ii. Tarikh tutup pendaftaran peserta adalah pada **20/12/2024 (Jumaat) jam 11.59 malam.**

13. Tarik diri / Penggantian

- 13.1 **Penggantian** peserta yang tarik diri, hanya dengan peserta yang melepasi syarat pertandingan sahaja dibenarkan.
- 13.2 **Penambahan** peserta / **perubahan** senarai peserta adalah **tidak dibenarkan** sama sekali. Hanya peserta yang didaftar sahaja dibenarkan untuk bertanding pada hari sebenar.

14. Pakaian Peserta

- 14.1 Pasukan perlu menyediakan pakaian yang melambangkan indentiti pasukan masing-masing.
- 14.3 Peserta perlu memakai pakaian yang bersesuaian dan kemas semasa pertandingan dan semasa waktu penerimaan hadiah.

15. Hadiah

Hadiah disediakan kepada semua peserta yang menyertai seperti Medal dan Sijil. Bagi pemenang 3 pasukan teratas akan menerima hadiah tambahan dari pihak penganjur.

16. Kawasan Pertandingan

- 16.1 Hanya Pegawai-Pegawai kejohanan yang bertugas dan peserta yang sedang bertanding sahaja dibenarkan berada di tempat pertandingan.
- 16.2 Pengurus Pasukan dan jurulatih tidak dibenarkan masuk ke kawasan pertandingan kecuali diminta berbuat demikian oleh Pengurus Kejohanan.

17. Hak-Hak Jawatankuasa Pengelola

- 17.1 Setiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan acara jika perlu. Jika berlaku sebarang pindaan, pengumuman rasmi akan dibuat.
- 17.2. Atas nasihat pihak berkuasa (*directive of authorities*), pihak penganjur boleh membatalkan acara atau pertukaran susunan acara atau pertukaran format pertandingan

18. Keselamatan

Semua peserta yang menyertai pertandingan ini adalah diatas tanggungjawab dan risiko sendiri, Jawatankuasa Pengelola **TIDAK** akan bertanggungjawab atas kehilangan harta benda, **sebelum, semasa** atau **selepas** kejohanan ini.

19. Perkara yang tidak dinyatakan

Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini atau peraturan-peraturan KOM/WA dan keputusan adalah muktamad.